



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**DOKTOR PERUBATAN WANITA MELAYU: HALANGAN TERHADAP
PROGRAM LATIHAN PERUBATAN PAKAR**

RAFIQAH BT SAMSUDIN

FPP 2001 20

**DOKTOR PERUBATAN WANITA MELAYU: HALANGAN TERHADAP
PROGRAM LATIHAN PERUBATAN PAKAR**

Oleh

RAFIQAH BT SAMSUDIN

**Tesis ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Ogos 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**DOKTOR PERUBATAN WANITA MELAYU: HALANGAN TERHADAP
PROGRAM PERUBATAN PAKAR**

Oleh

RAFIQAH BT. SAMSUDIN

Ogos 2001

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Maimunah Ismail, Ph.D

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Literatur menunjukkan bahawa jumlah doktor pakar perubatan di kalangan wanita Melayu kecil berbanding lelaki. Kurangnya jumlah doktor pakar tersebut dikatakan mereka mempunyai banyak halangan untuk mengikuti kursus lanjutan pakar. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami pengalaman mengenai halangan kepada doktor wanita untuk mengikuti latihan formal dalam bidang perubatan pakar.

Kajian melibatkan doktor dan pakar perubatan wanita yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima tahun. Temuduga secara mendalam (*in-depth interview*) dengan sembilan orang informan telah dijalankan bertujuan untuk mengumpul data kajian. Mereka merupakan lima orang doktor perubatan dan empat orang pakar perubatan wanita dalam bidang Perbidanan

dan Sakit Puan serta Kepakaran Kanak-kanak. Mereka berumur antara 31 hingga 39 tahun dan sedang berkhidmat di klinik swasta dan mempunyai pengalaman kerja antara 5 hingga 12 tahun. Kesemua temubual telah dirakam dan ditranskription. Data telah dianalisis berdasarkan tema yang terbentuk hasil temubual antara penyelidik dan informan.

Doktor perubatan wanita mempunyai halangan tertentu untuk mendapatkan latihan perubatan pakar. Halangan-halangan tersebut dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu halangan peribadi dan halangan persekitaran. Halangan peribadi terdiri daripada masalah keluarga, tiada sokongan suami, tiada kemampuan diri, tiada sokongan keluarga, keadaan ekonomi keluarga yang sudah stabil, tanggungjawab sebagai anak, persepsi diri, kurang minat, tekanan dan pengurusan masa. Manakala halangan persekitaran terdiri daripada tiada kemudahan penjagaan anak, kos pengajian mahal, bebanan kerja, kurang sokongan rakan dan organisasi.

Pihak-pihak yang terlibat diharapkan dapat memahami halangan-halangan peribadi dan persekitaran dalam memberi penghargaan dan peluang kepada doktor wanita untuk meningkatkan kemahiran profesional melalui penyertaan mereka dalam pendidikan pakar. Kajian juga mencadangkan supaya penyelidikan masa depan dijalankan untuk membuat perbandingan antara doktor yang berkhidmat di sektor awam dan sektor swasta mengenai halangan yang mereka hadapi.

Abstract thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**MALAY WOMEN MEDICAL DOCTORS : BARRIERS TO PURSUING
SPECIALIST PROGRAMME**

By

RAFIQAH BT. SAMSUDIN

August 2001

Chairperson : Associate Professor Dr Maimunah Ismail, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

Literature shows that the number of Malay women medical specialists is less than that of men. The scarcity of Malay women medical specialists is said due to barriers that they face. Therefore, this study was conducted to examine the barriers faced by the women doctors for them to pursue formal specialist training.

The research involved women general physicians and women medical specialists with more than five years of working experience. In-depth interviews with nine informants were conducted. They were five women physicians and four women medical specialists in the fields of obstetrics and gynaecology and paediatric. Their age ranged from 31 to 39 years, and were employed in the private clinics. They had working experiences in the field of medicine between 5 to 12 years. Each recorded interview was transcribed into computer. The data

were analyzed based on the themes and categories constructed from the interviews.

The study found that the barriers faced by Malay women doctors are divided into two categories. They are personal barriers and environmental barriers. Personal barriers are family problem, the absenced support from husbands, the absenced of support from family, family economic stability, the lack of responsibility as a daughter, personal perception towards specialist training, the lack of interest in pursuing further training, stress and time management. Environmental barriers are include child care problem, the high cost of training, workload, lack of support from colleagues and organization.

The study suggested that the concerned parties should understand the barriers faced by woman doctors towards pursuing specialist training program. Therefore, there should be more encouragements and opportunities given to women doctors to upgrade their professional skills by attending specialist educational program. This study also suggested that further research should be carried out to compare the barriers faced by women doctors from public and private health institutions in terms of opportunities for professional training.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keredhaan dan keizinanNya saya dapat menyempurnakan pengajian ini dan tesis ini secara khususnya.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Maimunah Ismail selaku penyelia dan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, di atas segala sokongan, bimbingan, nasihat dan teguran yang ternyata amat berfaedah dan bermanfaat di sepanjang tempoh pengajian saya di UPM khususnya sepanjang tempoh pengendalian tesis ini. Sukar untuk digambarkan sekiranya tiada bimbingan sedemikian, yang ternyata amat membantu dalam memastikan kejayaan tesis ini dan pengajian saya.

Tidak terkecuali terima kasih juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Dr Khairuddin Idris dan Dr Shamsuddin Ahmad di atas segala teguran, tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan untuk memastikan tesis ini berjaya disempurnakan dan tidak lupa juga kepada para pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, dan staf-staf sokongan terutama Kak Mus di atas segala bimbingan dan dorongan sepanjang tempoh pengajian ini. Jutaan terima kasih kepada teman-teman seperjuangan Feeza, Leen, Kak Siti Baya di atas segala galakan, nasihat dan pertolongan serta idea-idea yang disumbangkan untuk menyempurnakan tesis ini dan khususnya sepanjang

tempoh pengajian dan perkenalan kita. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua informan kajian yang telah menjayakan pelaksanaan tesis ini.

Akhirnya, kejayaan ini ditujukan kepada suami yang tersayang, keluarga, keluarga mertua yang telah berkorban untuk memastikan kejayaan dan ternyata cukup memahami diri ini di saat memerlukan bantuan. Jutaan terima kasih diucapkan untuk pengorbanan yang telah diberikan. Kesabaran kalian amat dihargai, disanjung tinggi dan dikenang sehingga ke akhir hayat.

*Terima kasih atas segalanya,
Fiqah ,Ogos 2001*

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Rafiqah Bt Samsudin telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 6hb Ogos 2001 untuk menilai tesis Master Sains beliau bertajuk "Doktor Perubatan Wanita Melayu: Halangan Terhadap Program Latihan Perubatan Pakar" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

JAMILAH OTHMAN, Ph.D.

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

MAIMUNAH ISMAIL, Ph.D.


Profesor Madya
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

KHAIRUDDIN IDRIS, Ph.D.

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

SHAMSUDDIN AHMAD, Ed.

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.
Profesor
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan diterima sebagai sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan ijazah Master Sains.




AINI IDERIS, PhD.
Profesor
Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **13** DEC 2001

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengakui bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan dahulu atau masa kini untuk penganugerahan mana-mana ijazah Master Sains dari Universiti Putra Malaysia atau institut-institut lain.



RAFIQAH SAMSUDIN

Tarikh: 2.10.2001

KANDUNGAN

		Page
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iv
	PENGHARGAAN	vi
	PENGESAHAN	viii
	PENGAKUAN	x
	SENARAI JADUAL	xiii
BAB		
1	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Penyertaan Pelajar Wanita Dalam Pendidikan Tinggi	2
	Perkembangan Pelajar Melayu Dalam Pendidikan	5
	Penyertaan Guna Tenaga Wanita	7
	Penyertaan Pelajar Dalam Bidang Perubatan	8
	Pernyataan Masalah	14
	Objektif	16
	Kepentingan Kajian	16
	Limitasi Kajian	17
	Andaian Kajian	17
	Terminologi Kajian	17
2	SOROTAN LITERATUR	
	Gender dan Sains: Satu Konsep Teoritikal	21
	Wanita dan Perubahan dalam Sektor Pekerjaan	27
	Wanita dalam Bidang Sains dan Teknologi	31
	Wanita dalam Profesion Perubatan	31
	Peranan Latihan Pemajuan Profesional di	
	Kalangan Doktor Perubatan	37
	Halangan Pendidikan Dewasa dalam Latihan Lanjutan	39
	Halangan dalam Pendidikan Profesional Lanjutan	
	Di Kalangan Wanita Profesional dan Halangan Glass Ceiling	44
	Ringkasan	49

3	METODOLOGI	
	Pendekatan Penyelidikan Kualitatif	50
	Reka bentuk Kajian	51
	Instrumen Kajian	53
	Validiti dan Reliabiliti	54
	Populasi, Persampelan Kajian dan Pemilihan Informan	56
	Lokasi Kajian	58
	Pengumpulan Data	59
	Menemubual Informan	61
	Data Analisis	62
	Mengkategori Data	64
	Etika Kajian	65
	Masalah Kajian	66
	Ringkasan	66
4	HASIL KAJIAN	
	Latar Belakang Doktor Perubatan Wanita	69
	Kategori Halangan	73
	Halangan Peribadi	73
	Halangan Persekitaran	98
	Ringkasan	107
5	RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan	110
	Pernyataan Masalah	110
	Objektif	111
	Metodologi	112
	Penemuan Utama	113
	Latar Belakang Informan	113
	Halangan Untuk Mendapat Latihan	
	Perubatan Pakar	113
	Perbincangan	114
	Kesimpulan	122
	Implikasi dan Cadangan	124
	BIBLIOGRAFI	126
	LAMPIRAN	135
	VITA	147

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Pengambilan Pelajar Program Ijazah Pertama di IPTA, Malaysia	2
2	Perangkaan Pelajar Program yang Berasaskan Sains dan Teknikal di Universiti Putra Malaysia Sesi November 1999/2000	3
3	Bilangan Pelajar (Ijazah Pertama) di IPTA, Malaysia mengikut Jenis Kursus dan Gender	9
4	Penemuan Kajian	110

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kejayaan wanita dalam bidang pendidikan tidak dapat dinafikan. Perangkaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) menunjukkan pengambilan wanita ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) meningkat pesat dari 37.2 peratus pada tahun 1990 kepada 49.5 peratus pada tahun 1994. Keadaan ini turut meningkatkan nisbah guna tenaga wanita yang mempunyai pendidikan menengah dan tinggi iaitu 50 peratus dan 11 peratus pada tahun 1990 (Malaysia, 1996). Penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan secara keseluruhannya meningkat terutamanya dalam kategori profesional dan teknikal. Peningkatan tersebut ialah daripada 9.4 peratus pada tahun 1990 kepada 13.5 peratus pada tahun 1995. Walaupun terdapat peningkatan tetapi masih kecil peratusannya berbanding penyertaan golongan lelaki. Kebanyakan pekerjaan dalam kategori profesional dan teknikal dikuasai oleh golongan lelaki. Penyertaan wanita pada tahun 1995 dalam bidang profesional dan teknikal telah meningkat seperti pergigian (24peratus), bidang kejuruteraan (29 peratus) dan pakar pembedahan (34 peratus) (Maimunah,1996).

Penyertaan Pelajar Wanita Dalam Pendidikan Tinggi

Pertambahan bilangan pelajar wanita di IPTA telah dibuktikan melalui enrolmen pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Jadual 1 menerangkan senario bilangan pelajar wanita berbanding lelaki dalam program Ijazah Pertama di IPTA di Malaysia.

Jadual 1: Pengambilan Pelajar Program Ijazah Pertama di IPTA, Malaysia

Sesi	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1998/1999	10,195 (39%)	18,188 (61%)	28,383
1999/2000	11,317 (34%)	21,547 (66%)	32,864
2000/2001	12,050 (36%)	21,733 (64%)	33,783

Sumber : Berita Harian 10 Januari 2001

Pada sesi 1998/1999 jumlah pelajar wanita ialah 18,188 orang berbanding 10,195 lelaki. Jumlah pelajar wanita terus meningkat pada sesi 2000/2001 menjadi 21,733 berbanding hanya 12,050 pelajar lelaki. Menurut Syuhada (2001) jumlah pelajar wanita di Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah mengatasi pelajar lelaki yang mana antara tahun 1998 hingga 2000 statistik menunjukkan jumlah pelajar wanita 60 peratus dan lelaki 40 peratus. Jumlah pelajar wanita prasiswazah pada semester kedua sesi akademik 2000/2001 di UKM, juga melebihi pelajar lelaki. Jumlah pelajar wanita di universiti tersebut ialah 11,581 orang yang mana 6,231 orang daripadanya wanita (Rohana, 2000).

Kesedaran tentang kepentingan sumbangan wanita terhadap pembangunan negara telah mempengaruhi peningkatan pengambilan pelajar wanita dalam bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi tempatan (Maimunah, 1996). Sebagai contoh dilihat program yang berasaskan sains dan teknikal di UPM. Jumlah penyertaan wanita semakin meningkat terutama dalam bidang Sains dan Alam Sekitar, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat serta Perubatan dan Sains Kesihatan seperti yang tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2: Perangkaan Pelajar Program yang Berasaskan Sains dan Teknikal di Universiti Putra Malaysia Sesi November 1999/2000

Fakulti	Sains Dan Alam Sekitar		Kejuruteraan		Sains Komputer & Teknologi Maklumat		Perubatan & Sains Kesihatan	
	P	L	P	L	P	L	P	L
Gender								
Year								
1	713 (62.3%)	432 (37.7%)	264 (33.1%)	534 (66.9%)	431 (51.5%)	406 (49.5%)	169 (76.1%)	53 (23.9%)
2	327 (69.7%)	142 (30.3%)	181 (29.0%)	442 (71.0%)	237 (59.5%)	161 (40.5%)	125 (68.3%)	58 (31.7%)
3	358 (60.4%)	235 (39.6%)	123 (31.0%)	274 (69.0%)	296 (66.2%)	151 (33.8%)	65 (67.7%)	31 (32.3%)
4	537 (64.0%)	304 (36.0%)	177 (21.1%)	662 (78.9%)	155 (65.4%)	82 (34.6%)	119 (73.0%)	43 (27.0%)
Jumlah	1935 (63.5%)	1113 (36.5%)	745 (28.0%)	1912 (72.0%)	1119 (58.3%)	800 (41.7%)	478 (71.2%)	185 (27.9%)

Sumber: Maimunah Ismail (1999).

Pada semester November 1999/2000 jumlah penuntut di UPM ialah 21,754 orang dan daripada jumlah tersebut 60 peratus adalah wanita dan 40 peratus lelaki (Maimunah,1999). Berdasarkan Jaqual 2 jelas menunjukkan jumlah pelajar wanita adalah melebihi pelajar lelaki di Fakulti Sains Dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat serta di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Walau bagaimanapun jumlah pelajar wanita di Fakulti Kejuruteraan adalah kurang berbanding pelajar lelaki.

Kajian di Amerika Syarikat juga mendapati bahawa penglibatan wanita dalam bidang sains dan teknologi telah meningkat berdasarkan minat yang ditonjolkan oleh kanak-kanak perempuan dan wanita sekitar tahun 1990an (Morrison, 1990). Morrison (1990) terus melaporkan pada tahun 1960 hanya 16 peratus sahaja wanita terlibat dalam bidang sains dan teknologi di peringkat ijazah pertama, tetapi meningkat kepada 40.2 peratus pada tahun 1990. Di peringkat doktor falsafah juga terdapat peningkatan dari 6.3 peratus tahun 1960 kepada 27.7 peratus pada tahun 1990. Penyertaan pelajar wanita dalam bidang sains dapat dilihat pada tahun 1988, 15 peratus pelajar wanita mengikuti bidang kejuruteraan di peringkat prasiswazah dan tujuh peratus di peringkat doktor falsafah. Dalam bidang perundangan 40 peratus dan 50 peratus melibatkan diri dalam bidang perakaunan dan satu pertiga pelajar sarjana perniagaan terdiri daripada pelajar wanita (Davidson dan Cooper, 1992). Penglibatan wanita di peringkat doktor falsafah dan doktor pendidikan meningkat daripada 13 peratus

pada tahun 1970 kepada 16 peratus pada tahun 1972 dan 18 peratus pada tahun 1973 (Epstein, 1973).

Penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi turut berlaku di United Kingdom. Pada tahun 1983 jumlah pelajar wanita ialah 41 peratus dan telah meningkat kepada 44 peratus pada tahun 1989 di peringkat prasiswazah. Peningkatan juga turut berlaku di peringkat pascasiswazah daripada 32 peratus kepada 37 peratus dari tahun 1983 ke tahun 1989 (Davidson dan Cooper, 1992).

Perkembangan Pelajar Melayu Dalam Pendidikan

Menurut statistik pencapaian pelajar dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaya (UM) tahun 2000, pelajar Melayu hanya berjaya menguasai bidang Pengajian Islam tetapi mereka gagal menguasai bidang yang melibatkan sains dan teknologi seperti Sains Pendidikan, Sains Komputer, Sains Bioperubatan, Sains Sukan, Sains Seni Bina, Teknologi Maklumat serta Perubatan (Rohana, 2000). Satu sebab menerangkan keadaan demikian ialah kerana pelajar Melayu yang benar-benar cemerlang sudah dihantar oleh kerajaan ke luar negara. Oleh itu pelajar Melayu yang tinggal di universiti tempatan tidak dapat bersaing dengan pelajar bukan Melayu yang cemerlang sejak di peringkat sekolah menengah tinggi. (Utusan Malaysia, 21 Ogos 2000)

Satu sebab lain yang menerangkan keadaan demikian ialah kerana pelajar Melayu di universiti, berasal dari kampung, manakala pelajar bukan Melayu mendapat pendidikan di bandar yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk pembelajaran. Oleh itu pelajar Melayu di universiti mempunyai tahap keintelektualan yang rendah berbanding pelajar bukan Melayu (Utusan Malaysia 21 Ogos 2000)

Kerajaan telah memperkenalkan kuota 55 peratus untuk Bumiputera dan 45 peratus kepada bukan Bumiputera untuk mengimbangi kemasukan pelajar baru dari pelbagai kaum ke IPTA. Pelaksanaan kuota tersebut telah berjaya mengimbangi jumlah pelajar Melayu dan bukan Melayu di IPTA (Rohana, 2000). Peluang pelajar Melayu mendapat pendidikan adalah terjamin berdasarkan Hak Istimewa Orang Melayu dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memberi peluang kepada orang Melayu mengikuti kursus dalam bidang sains dan teknologi. Penyertaan pelajar Melayu dalam bidang sains di IPTA telah berjaya melahirkan golongan profesional Melayu.

Perlaksanaan program pendidikan melalui Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) telah berjaya menambah bilangan profesional Melayu dan berjaya merapatkan jurang penyertaan profesional Melayu dan bukan Melayu. Statistik menunjukkan jumlah profesional Melayu telah meningkat dalam profesion berasaskan sains dan teknologi seperti arkitek, akauntan, jurutera, doktor, doktor gigi dan doktor veterinar pada tahun

1970 hingga 1998 (Malaysia,1999). Peningkatan ini dapat dilihat dalam profesion akauntan iaitu meningkat dari 6.8 peratus kepada 15.2 peratus, doktor perubatan 3.7 peratus kepada 35.8 peratus, doktor pergigian 3.1 peratus kepada 34.1 peratus manakala jurutera 7.3 peratus kepada 42.1 peratus. Keadaan ini turut meningkatkan jumlah pelajar wanita Melayu dalam bidang yang berasaskan sains dan teknologi termasuk perubatan.

Penyertaan Guna Tenaga Wanita

Negara telah mengalami perubahan guna tenaga wanita daripada sektor tidak formal kepada sektor formal. Menurut Nor Aini (1997) sebelum tahun 1970an kebanyakan wanita bekerja tanpa upah dan bekerja untuk keluarga sahaja. Tetapi keadaan ini telah berubah pada tahun 1970an berikutan pertambahan tenaga kerja wanita yang mendapat upah. Penglibatan wanita dalam pekerjaan yang mendapat upah meningkat daripada 38.9 peratus pada tahun 1970 kepada 64.7 peratus pada tahun 1990.

Peningkatan wanita dalam sektor pekerjaan yang mendapat upah ini bukan sahaja disebabkan oleh perkembangan pesat sektor perindustrian tetapi turut dipengaruhi oleh pencapaian pendidikan, desakan kos sara diri yang tinggi, sikap inginkan kebebasan serta faktor gaya hidup baru (Nor Aini, 1997). Antara mereka dalam sektor pekerjaan yang mendapat upah ialah golongan profesional yang juga meningkat daripada 5.3 peratus pada tahun 1970 kepada 8.5 peratus

tahun 1980, 9.1 peratus pada tahun 1985 dan terus meningkat kepada 9.4 peratus pada tahun 1990. Walau bagaimanapun penyertaan wanita masih rendah berbanding golongan profesional lelaki. Bilangan lelaki dalam bidang profesional ialah 15,167 orang berbanding 2,334 orang pekerja wanita pada tahun 1990 (Malaysia, 1991).

Menurut Nor Aini seterusnya (1997) wanita turut menghadapi masalah penyertaan dalam pekerjaan iaitu menerima upah yang rendah serta kadar upah lebih rendah berbanding lelaki dalam jenis pekerjaan yang sama, dan terdedah kepada eksploitasi atau penindasan dalam sektor pembuatan. Malah wanita cenderung berada dalam kategori buruh tidak mahir serta dalam sektor kurang formal. Ini merupakan antara masalah yang dihadapi wanita dalam bidang pekerjaan. Oleh itu kehadiran wanita profesional yang mempunyai kelayakan dan kemahiran tinggi untuk memberi khidmat kepada masyarakat pada masa kini amat diperlukan bukan sahaja untuk menyeimbangkan penyertaan dari segi gender tetapi juga untuk kebaikan golongan wanita secara keseluruhan.

Penyertaan Pelajar Dalam Bidang Perubatan

Jadual 3 menunjukkan bilangan pelajar perubatan di Malaysia mengikut gender dari tahun 1995 hingga tahun 1998 di IPTA. Pada tahun 1995 bilangan pelajar lelaki ialah 1,268 orang berbanding 1,477 pelajar wanita. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa bilangan pelajar wanita yang menceburi bidang

perubatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Keadaan yang sama turut berlaku pada tahun 1996 dimana jumlah pelajar wanita ialah 1,335 orang berbanding hanya 1,148 orang pelajar lelaki. Bilangan pelajar wanita terus mengatasi pelajar lelaki pada tahun 1997 iaitu 1,582 orang pelajar wanita berbanding 1,145 orang pelajar lelaki. Malah pada tahun 1998 perangkaan terus menunjukkan peningkatan pelajar wanita dalam bidang perubatan iaitu seramai 1,838 orang berbanding 1,335 orang pelajar lelaki.

Jadual 3: Bilangan Pelajar Jurusan Perubatan (ijazah pertama) di IPTA, Malaysia mengikut Jenis Kursus dan Gender.

Jenis kursus	Bilangan Penuntut									
	1994		1995		1996		1997		1998	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Perubatan	1,203	1,281	1,268	1,477	1,148	1,335	1,145	1,582	1,335	1,838
Pergigian	109	149	113	166	102	182	93	211	74	241
Sains Farmasi	107	202	112	256	125	303	127	364	173	520
Bio-Perubatan	-	-	-	-	69	121	101	188	142	321
Kejururawatan	-	-	-	-	6	49	10	48	10	85
Kesihatan										
Bersekutu	-	-	-	-	142	317	186	650	231	643
Jumlah	1,419	1,632	1,493	1,899	1,592	2,307	1,662	3,043	1,965	3,648

Sumber : Buletin Perangkaan Sosial, Malaysia 2000.

Secara khusus jumlah pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan di Universiti Malaya pada tahun 1997 sehingga 1999 turut menunjukkan bilangan pelajar wanita adalah melebihi pelajar lelaki.

Pada Sesi 1997/98 bilangan pelajar perubatan secara keseluruhannya di universiti tersebut ialah 645 orang, dan daripada jumlah itu 329 adalah pelajar wanita. Keadaan yang sama turut berlaku pada Sesi 1998/99 iaitu 448 orang pelajar wanita berbanding 437 orang pelajar lelaki. Pada Sesi 1999/2000 bilangan pelajar wanita telah meningkat kepada 469 orang berbanding 403 orang pelajar lelaki. Jumlah pelajar perubatan di UPM pada Sesi 2000/2001 juga menunjukkan lebih pelajar wanita berbanding pelajar lelaki di peringkat perubatan asas. Terdapat 37 orang pelajar perempuan yang sedang mengikuti pengajian dalam Tahun Empat berbanding 29 orang lelaki dan 27 orang pelajar wanita berbanding 18 orang pelajar lelaki yang sedang mengikuti pengajian dalam Tahun Lima (Universiti Putra Malaysia, 2001).

Senario pelajar wanita melebihi lelaki ini diperkukuhkan lagi melalui jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan di Malaysia. Pada tahun 1995 jumlah graduan perubatan wanita di Malaysia ialah 282 orang berbanding 275 orang lelaki. Pada tahun 1996 jumlah graduan wanita ialah 313 orang dan lelaki 310 orang dan keadaan ini terus sama pada tahun 1997 iaitu 365 orang graduan wanita berbanding 312 graduan lelaki. Pada Konvokesyen UM Sesi 1999 didapati jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan ialah 145 orang dan daripada jumlah tersebut 90 orang ialah graduan wanita dan 55 orang graduan lelaki (Universiti Malaya, 2001). Andaian yang dapat dibuat dari data tersebut ialah bilangan doktor perubatan wanita juga

adalah lebih daripada doktor perubatan lelaki. Walau bagaimanapun keadaan sebaliknya berlaku di peringkat sarjana perubatan.

Perbandingan perangkaan mengikut gender di peringkat siswazah di IPTA sebaliknya berlaku. Perangkaan yang diperolehi dari tahun 1995 hingga tahun 1999 menunjukkan jumlah pelajar wanita yang mengikuti pengajian siswazah di Fakulti Perubatan Universiti Malaya adalah kurang berbanding lelaki. Pada sesi 1995/96 bilangan pelajar wanita ialah 146 orang berbanding 170 pelajar lelaki. Pada sesi 1996/97 jumlah pelajar wanita ialah 178 orang berbanding 194 orang lelaki. Walau bagaimanapun pada sesi 1997/98 pelajar wanita ialah 123 orang dan lelaki 113 orang, tetapi bilangan pelajar wanita pada sesi 1998/99 menurun kepada 95 orang berbanding 130 orang pelajar lelaki. Sesi 1999/00 memberi gambaran yang sama di mana jumlah pelajar wanita adalah 186 orang berbanding 208 orang pelajar lelaki. Daripada 14 bidang sarjana perubatan yang ditawarkan di universiti tersebut hanya 36 orang sahaja graduan wanita berbanding 46 orang graduan lelaki (Universiti Malaya, 2001). Jumlah pakar perubatan wanita yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia ialah 224 orang berbanding pakar perubatan lelaki seramai 421. Data tersebut jelas menunjukkan terdapatnya jurang yang ketara daripada segi jumlah pakar perubatan wanita dan lelaki (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2000).

Persoalannya mengapakah terdapat jurang dari segi gender mengenai enrolmen khususnya di peringkat sarjana dan jumlah sebenarnya pakar